

Ahli perniagaan bergelar Datuk direman tiga hari

KUALA LUMPUR 29 Julai - Polis mendapat perintah reman selama tiga hari bermula hari ini untuk menahan seorang ahli perniagaan bergelar 'Datuk' bagi membantu siasatan kejadian penyemburan pemedih mata terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan semalam.

Perintah reman yang dikeluarkan mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah hingga Isnin itu bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 328 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun dan denda.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, hingga kini hanya seorang suspek berusia 53 tahun ditahan untuk siasatan lanjut.

"Suspek direman selama tiga hari hingga Isnin ini untuk siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Di Kelantan, Ketua Polis Kelantan, Datuk Zulkifli Abdullah pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kota Bharu hari ini memberitahu, suspek ditahan pada pukul 10.30 malam tadi di kediamannya di Pasir Tumboh, Kota Bharu untuk membantu siasatan dan proses pengecaman.

Selain itu, katanya, polis turut mengambil keterangan daripada 27 orang saksi termasuk tujuh anggota tentera dari Markas 8 Briged, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

"Anggota tentera tersebut dipercayai diupah salah seorang penganjur sebagai pengawal peribadi dan mengawal keselamatan Dr. Mahathir.

"Selain itu, Datuk Ibrahim Ali turut dipanggil memberi keterangan hari ini," katanya.